



**HAK KEISTIMEWAAN MELAYU-ISLAM DI MALAYSIA: SATU ANALISIS DARI PERSPEKTIF
PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

(Islamic-Malay Privileges in Malaysia: An Analysis from The Perspective of The Federal Constitution)

Mohd Afiq Shafirin Abd Aziz^{1*}

¹Jabatan Bahasa Inggeris, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000 Kuala Kangsar, Malaysia.

*Corresponding Author Email: afiqshafirin@gmail.com

Received: 19 July 2022 • Accepted: 18 April 2023 • Published: 30 April 2023

Abstract

The privileged rights of the Malays are enshrined in the Federal Constitution of Malaysia. The Federal Constitution (Article 160) states that a Malay can be defined as a person who professes the religion of Islam. However, what is happening today, not all Malays are Muslims, and not all Muslims are Malays. The problem here arises when non-Malays who are Muslims and Malays who are not Muslims want to get the rights provided under the Federal Constitution of Malaysia. From these problems, then in this study, the researcher wants to identify the privileged rights of Malay-Muslims in Malaysia and what is the division of rights for the Malays and the rights for Muslims? Using document study and content analysis, the initial results showed that there are four bumiputera privileges given to Malay-Muslims, namely land rights for Malays, the right to obtain government positions, the right to receive scholarships, and the right to assistance. economy. The rights of non-Malay Muslims are enshrined in Syariah law, that is the Syariah Court has the right to impose punishment for syariah criminal offenses committed by Muslims in Malaysia, whether they are Malays or other races.

Keywords: Malay Rights; Islamic Right; Malay-Islamic Rights

Abstrak

Hak keistimewaan orang Melayu merupakan perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Perlembagaan Persekutuan (Perkara 160) menyatakan bahawa orang Melayu boleh ditakrifkan sebagai seorang yang menganuti agama Islam. Namun, yang berlaku pada hari ini, tidak semua orang Melayu

itu beragama Islam, dan tidak semua orang Islam itu berbangsa Melayu. Permasalahan di sini timbul apabila orang bukan Melayu yang beragama Islam dan orang Melayu yang bukan beragama Islam ingin mendapatkan hak yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Daripada permasalahan tersebut, maka dalam kajian ini, pengkaji ingin mengenal pasti hak keistimewaan Melayu-Islam di Malaysia dan apakah pembahagian hak bagi bangsa Melayu dan hak bagi yang beragama Islam? Dengan menggunakan kaedah kajian dokumen dan analisis kandungan, hasil awalnya didapati bahawa terdapat empat hak keistimewaan bumiputera yang diberikan kepada orang Melayu-Islam iaitu hak tanah untuk orang Melayu, hak untuk mendapatkan jawatan dalam kerajaan, hak dalam menerima peruntukan biasiswa, dan hak untuk mendapatkan bantuan ekonomi. Hak ke atas orang Islam yang bukan berbangsa Melayu pula termaktub dalam undang-undang Syariah iaitu Mahkamah Syariah mempunyai hak untuk menjatuhkan hukuman bagi kesalahan jenayah syariah yang dilakukan oleh orang Islam di Malaysia sama ada mereka itu berbangsa Melayu atau bangsa-bangsa yang lain.

Kata Kunci: Hak Melayu; Hak Islam; Hak Melayu-Islam

Cite as: Abd Aziz, M.A.S. (2023). Islamic-Malay Privileges in Malaysia: An Analysis from The Perspective of The Federal Constitution. *Asian People Journal*, 6(1), 82-92.

PENGENALAN

Kewujudan Perlembagaan Persekutuan merupakan hasil persetujuan yang telah dicapai antara penduduk Malaysia daripada kalangan orang Melayu, Cina dan India ke arah membentuk sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Perlembagaan adalah sumber undang-undang tertinggi bagi sesebuah negara moden dan berdaulat. Perlembagaan menjadi kerangka asas yang membentuk sistem pemerintahan bagi sesebuah negara. Ia juga memainkan peranan sebagai panduan bagi pembentukan undang-undang sama ada di pihak kerajaan atau rakyat (Nazri Muslim, 2014)*. Perlembagaan ialah dasar atau formula yang menjelaskan bagaimana kuasa-kuasa awam di dalam sesebuah negara dibahagikan dan dijalankan dengan melihat prinsip-prinsip asas yang membentuk institusi negara iaitu Badan Eksekutif, Badan Perundangan dan Badan Kehakiman (Abdul Aziz Bari, 2001). Hak keistimewaan orang Melayu merupakan perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan[†]. Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Perkara 160) telah menjelaskan bahawa orang Melayu boleh ditakrifkan sebagai seorang yang menganuti agama Islam. Namun, permasalahan yang timbul pada hari ini ialah tidak semua orang Melayu beragama Islam dan tidak semua orang Islam itu berbangsa Melayu. Permasalahan ini timbul apabila masing-masing ingin mendapatkan hak yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Berdasarkan permasalahan-permasalahan tersebut, kertas kerja ini dilakukan untuk menjelaskan berkaitan hak bagi bangsa Melayu bukan beragama Islam dan hak ke atas orang Islam yang bukan berbangsa Melayu. Selain itu, kertas kerja ini turut menjelaskan tentang hak keistimewaan Melayu-Islam di Malaysia.

* Perlembagaan Persekutuan Malaysia mengandungi 15 Bahagian, 183 Perkara dan 13 Jadual yang menyentuh bidang kuasa eksekutif, legislatif, kehakiman, kedudukan agama Islam, kewarganegaraan, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak (Nazri Muslim, 2014).

[†] Hak bermaksud suatu tanggungjawab penting kepada individu dan masyarakat (Mohd Azizuddin Mohd Sani, 2002). Selain itu, hak ialah 'kuasa' atau 'kepunyaan' dan merupakan suatu undang-undang yang tetap dan tidak berubah (Ali Jarisyah, 1990; Zul`Azmi Yaakob dan Zailan Moris, 2012).

Sebelum negara mencapai kemerdekaan, bangsa Melayu diakui haknya dalam beberapa perjanjian antara kerajaan British dengan raja-raja Melayu. Antara contoh perjanjian tersebut ialah dalam Fasal 191(d) (Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948) telah dinyatakan bahawa Pesuruhjaya Tinggi bagi Persekutuan Tanah Melayu adalah bertanggungjawab menjaga hak keistimewaan orang-orang Melayu dan hak-hak yang diperlukan bagi kaum-kaum yang lain (Mohd Salleh Abbas, 1990).

Namun, setelah negara mencapai kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957, hak-hak bagi bangsa Melayu telah termaktub dalam Perkara 153 yang berkaitan hak istimewa orang Melayu, Perkara 89 dan Perkara 90 yang menyentuh berkaitan hak tanah untuk orang Melayu, dan Perkara 8 (5)(f) yang berkaitan kemasukan orang Melayu dalam perkhidmatan Rejimen Askar Melayu Diraja. Hasilnya, terdapat empat hak bagi bangsa Melayu yang dapat dinyatakan seperti dalam Rajah 1.



Rajah 1: Hak-hak bagi bangsa Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan

Mengikut Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab memelihara kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera Negeri Borneo (Sabah dan Sarawak) dan melindungi hak kaum lain (Perlembagaan Persekutuan, 2010). Dalam menjalankan tugas dan kuasa di bawah perlembagaan, Yang di-Pertuan Agong atas nasihat kerajaan boleh memberi peruntukan kepada orang Melayu beberapa bahagian yang difikirkan perlu dalam perkara-perkara berikut seperti menentukan suatu kadar bilangan dalam perkhidmatan awam, menentukan kadar perizaban permit dan lesen bagi menjalankan sebarang perniagaan, pekerjaan dan aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain dan menentukan kadar perizaban dalam biasiswa, bantuan dan keistimewaan pelajaran dan latihan atau kemudahan khas yang diberikan atau diadakan oleh kerajaan (Nazri Muslim, 2014).

Hak Untuk Mendapatkan Jawatan Dalam Kerajaan

Dalam menentukan rizab bagi orang Melayu dan bumiputera di Sabah[‡] dan bumiputera Sarawak[§], Yang di-Pertuan

[‡] Bumiputera bagi Sabah ialah warganegara, anak atau cucu kepada orang yang berbangsa asal di Sabah, sama ada warganegara itu dilahirkan di Sabah atau pada ketika dilahirkan, bapanya bermastautin di Sabah (Mohd Salleh Abbas, 1990).

[§] Bumiputera bagi Sarawak ialah warganegara yang berbangsa asal di Sarawak atau yang berketurunan darah campuran dengan bangsa asal itu. Bangsa-bangsa asal di Sarawak ialah Bukitan, Bisayah, Dusun, Dayak Laut, Dayak Darat, Kadayan, Kelabit,

Agong bertanggungjawab memperuntukkan suatu kadar bilangan jawatan dalam perkhidmatan awam Persekutuan yang Baginda fikirkan perlu (Nazri Muslim, 2014). Yang di-Pertuan Agong berkuasa untuk mengeluarkan arahan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam hal tersebut (Mohd Salleh Abbas, 1990).

Dalam menjalankan tanggungjawab ini, Baginda tidak boleh melucutkan sesiapa juga apa-apa jawatan awam yang disandang olehnya. Hal yang sama juga bagi semua orang tidak mengira etnik yang menyandang jawatan dalam perkhidmatan awam, mestilah diberi layanan yang baik dari segi kenaikan pangkat, gaji dan kebajikan yang lain (Mohd Nazri Muslim, 2014). Peruntukan untuk merizabkan suatu kadar bilangan jawatan dalam perkhidmatan awam penting memandangkan sejak zaman awal kemerdekaan, penglibatan orang Melayu dalam sektor kerajaan agak berkurangan. Perkara ini boleh dilihat dalam Jadual 1.

Jadual 1: Pegawai bahagian 1 dalam perkhidmatan kerajaan pada 1 November 1968 mengikut etnik

Perkhidmatan	Orang Melayu	Orang bukan Melayu	Jumlah
Perkhidmatan Pentadbiran	706	515	1221
Arkitek, Jurutera dan Pegawai Profesional	73	370	443
Pegawai Kesihatan dan Perubatan	64	693	727
Ahli Sains Fizikal	13	51	64
Ahli Sains Sejati	60	108	169
Perangkawan Profesional	38	166	204
Perkhidmatan Undang-undang	70	37	107
Perkhidmatan Beruniform	331	369	700
Pengangkutan dan Media Massa	67	188	255
Jumlah	1392	2447	3839

Sumber: Mohd Yusof Ismail. (1970). *A review of the implementation of article 153 of the Malaysian constitution since 1957 with special reference to West Malaysia*. Latihan Ilmiah, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.

Merujuk Jadual 2, daripada keseluruhan pegawai bahagian 1 dalam perkhidmatan kerajaan pada bulan November 1968, didapati bahawa penglibatan orang Melayu hanya meliputi 36% daripada keseluruhannya. Keadaan ini berlaku disebabkan ketika itu orang-orang Melayu lebih berminat untuk menyertai sektor pertanian dan menetap di luar bandar.

Dalam Perkara 8(5)(f) Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa kemasukan untuk perkhidmatan Rejimen Askar Melayu Diraja hanya diperuntukkan kepada orang Melayu sahaja (Perlembagaan Persekutuan, 2010). Namun, kemasukan ke rejimen tentera yang lain adalah terbuka kepada semua etnik di Malaysia dan tiada sekatan dikenakan (Nazri Muslim, 2014).

Perkara ini menunjukkan bahawa Orang-orang Melayu juga diberikan keistimewaan dan peluang untuk mendapatkan jawatan dalam kerajaan selaras dengan peruntukan yang telah terkandung di dalam perlembagaan.

Kayan, Kenyah, Sabup, Sipeng, Kajang, Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan, Tanjong, Kanowit, Lugat, Lisum, Melayu, Melano, Murut, Penan, Sian, Tagal, Tabun, dan Ukit (Mohd Salleh Abbas, 1990)

Hasilnya pada tahun 2005, bilangan orang Melayu dalam perkhidmatan awam meningkat berbanding tahun 1968 iaitu 77.4% berbanding kaum Cina iaitu 9.37% dan kaum India iaitu 5.14% (Utusan Malaysia, 2008).

Hak Dalam Menerima Peruntukan Biasiswa

Pendidikan merupakan elemen penting dalam membentuk sebuah negara yang maju dan berdaya saing. Orang-orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak tidak boleh dibiarkan ketinggalan dalam bidang pendidikan. Kepimpinan negara sedar bahawa nasib negara ini bergantung kepada pendidikan yang diberikan kepada orang Melayu dan kaum bumiputera. Oleh demikian, kemudahan-kemudahan khas seperti peruntukan biasiswa, bantuan dan keistimewaan pelajaran hendaklah diberikan kepada mereka supaya boleh bersaing dengan kaum-kaum yang lain mengikut keadaan yang sama (Mohamed Suffian Hashim, 1987)**. Peruntukan bagi mendapatkan biasiswa kepada orang Melayu diberikan hak sebanyak 75% manakala bagi bukan Melayu ialah 25% (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1978).

Hak Untuk Mendapatkan Bantuan Ekonomi

Dalam Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong mempunyai hak dan kuasa untuk menentukan kadar perizaban permit dan lesen bagi menjalankan perniagaan atau perdagangan kepada orang Melayu dan bumiputera di Sabah dan Sarawak (Mohamed Suffian Hashim, 1987). Berdasarkan statistik pemilikan kekayaan negara pada 1970, bagi orang Melayu ialah 2.4% manakala bagi bukan Melayu ialah 28.3%. Perkara ini menunjukkan bahawa orang Melayu masih ketinggalan dari segi pengagihan kekayaan negara berbanding etnik yang lain (Nazri Muslim, 2014). Oleh demikian, berdasarkan statistik 1970, maka Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan telah digunakan dengan memberikan kemudahan lesen perniagaan dan premis perniagaan yang strategik dan orang Melayu turut mendapat keistimewaan dalam bidang ekonomi agar jurang perbezaan ekonomi dapat dihapuskan dan orang Melayu tidak terasa terpinggir dalam arus pembangunan negara. Sebagai contoh, penubuhan Majlis Amanah Rakyat (MARA), Permodalan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Yayasan Waqaf Malaysia dilihat memberikan manfaat kepada orang Melayu dalam bidang pembangunan ekonomi dan membantu meningkatkan pendapatan. Hasilnya boleh dilihat dalam Jadual 2.

Jadual 2: Purata pendapatan isi rumah Bumiputera tahun 2014

Jenis Pendapatan	2009	2014
Pendapatan Isi Rumah Bumiputera	RM 3,624	RM 5,548
Pendapatan Isi Rumah Golongan Pertengahan Bumiputera	RM 2,531	RM 4,214

Sumber: Diubahsuai dari Rancangan Malaysia Ke-11

Jadual 3 jelas menunjukkan purata pendapatan isi rumah Bumiputera bagi tahun 2014. Merujuk kepada Jadual 3, pendapatan bulanan purata (pendapatan purata) isi rumah Bumiputera meningkat 8.9% daripada RM 3,624 tahun 2009 kepada RM 5,548 tahun 2014. Pendapatan bagi golongan menengah Bumiputera juga meningkat 10.7% daripada RM 2,531 tahun 2014 kepada RM 4,214 tahun 2014. Penubuhan program pemerkasaan ekonomi Bumiputera pada bulan September 2013 dan penjenamaan semula Majlis Tindakan Ekonomi Bumiputera (MTAB) sebagai Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) telah mewujudkan satu tadbir urus baru bagi memastikan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi secara lebih efektif dan mampan (Rancangan Malaysia Ke-11, 2015).

** Dalam Fasal (4) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa dalam memberikan keutamaan kepada orang Melayu dan bumiputera di Sabah dan Sarawak, Yang di-Pertuan Agong tidak boleh menghentikan biasiswa, derma, bantuan pelajaran atau latihan yang sedang dinikmati oleh seseorang itu (Mohd Salleh Abbas, 1990:88).

Penglibatan kaum Bumiputera khususnya orang Melayu dalam bidang ekonomi membantu mengurangkan kadar kemiskinan Bumiputera daripada 5.3% tahun 2009 kepada 0.8% tahun 2014 (Rancangan Malaysia Ke-11, 2015).

Hak Tanah Untuk Orang Melayu

Mengikut Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan, Tanah Rizab Melayu sebelum merdeka terus menjadi tanah rizab Melayu selepas merdeka dan bagi tanah yang bukan tanah rizab Melayu yang belum dimajukan boleh diisytiharkan sebagai tanah rizab Melayu mengikut undang-undang. Sekiranya tanah tersebut telah dimiliki oleh orang bukan Melayu, maka tanah rizab Melayu tidak boleh diisytiharkan (Mohamed Suffian Hashim, 1987). Peruntukan khas mengenai pengecualian undang-undang tanah adat di Negeri Sembilan dan Melaka, serta undang-undang yang ada di Terengganu mengenai tanah pegangan orang Melayu dinyatakan dalam Perkara 90 (Perlembagaan Persekutuan, 2010). Sebagai contoh di negeri Terengganu, mengikut perlembagaan yang ditetapkan, semua tanah bandar dan semua tanah desa kepunyaan orang Melayu yang keluasanya tidak melebihi 10 ekar adalah menjadi tanah pegangan Melayu dan tanah tersebut tidak boleh dijual, dipajak dan dilakukan sebarang urusan ke atasnya melainkan kepada orang Melayu sahaja. Manakala perlembagaan tidak menyebut apa-apa peruntukan yang menyentuh undang-undang di Negeri Sembilan dan Melaka mengenai tanah yang sedia ada di negeri tersebut. Undang-undang tanah adat di Melaka dan Negeri Sembilan tertakluk kepada undang-undang yang sedia ada (Nazri Muslim, 2014).

Pada abad yang ke-15, undang-undang kanun Melaka seperti undang-undang jenayah, jualan dan undang-undang perkahwinan merupakan undang-undang yang terawal di Semenanjung Tanah Melayu. Kewujudan undang-undang tersebut jelas membuktikan bahawa Undang-undang Islam telah diterima pakai dalam istiadat adat masyarakat tempatan (Hamid Jusoh, 1992). Namun setelah negara mencapai kemerdekaan, agama Islam telah diletakkan sebagai agama rasmi Persekutuan sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan^{††}. Agama Islam telah mementingkan keadilan untuk penganutnya tanpa mengira latar belakang dan bangsa. Namun begitu, hak Islam di Malaysia dalam menegakkan hukuman Syariah telah dihadkan disebabkan sistem mahkamah di Malaysia dijalankan dalam dua bentuk iaitu Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Kedua-dua mahkamah ini menggunakan bidang kuasa mereka secara sepenuhnya namun kedudukan Mahkamah Syariah lebih rendah daripada Mahkamah Sivil (Hamid Jusoh, 1992).

Bidang kuasa Mahkamah Syariah telah dihadkan tertakluk dalam perenggan 1 Jadual Kesembilan, Senarai 2, Perlembagaan Persekutuan. Bidang kuasa ini juga terhad ke atas mereka yang menganut agama Islam sahaja dan tidak mempunyai kuasa ke atas mereka yang bukan Islam (Nazri Muslim, 2014). Perlembagaan Persekutuan (Jadual 9, Senarai 2) turut menjelaskan berkaitan peruntukan undang-undang Islam di bawah kawalan negeri iaitu menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama Islam terhadap rukun-rukun Islam kecuali mengenai perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan (Kassim Thukiman et al., 2009). Oleh demikian, hak ke atas orang Islam yang bukan berbangsa Melayu pula termaktub dalam undang-undang Syariah iaitu Mahkamah Syariah mempunyai hak untuk menjatuhkan hukuman bagi kesalahan jenayah syariah yang dilakukan oleh orang Islam di Malaysia sama ada mereka itu berbangsa Melayu atau bangsa-bangsa yang lain. Bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah juga dihadkan selepas seksyen 2 Mahkamah Orang-Orang Islam (Bidang Kuasa Jenayah) Akta 1965 telah dipinda pada tahun 1984 iaitu kesalahan yang boleh dijatuhkan hukuman

^{††} Perkara 3 Fasal 1 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa agama Islam ialah agama rasmi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman damai dimana-mana bahagian dalam Persekutuan (Perlembagaan Persekutuan, 2010:1).

dengan penjara tidak lebih tiga tahun atau denda tidak lebih RM 5000 atau sebat tidak lebih enam sebatan atau gabungan hukuman tersebut (Nazri Muslim, 2014 & Hamid Jusoh, 1992).

Bagi memastikan undang-undang Islam dilaksanakan secara meluas dalam kehidupan masyarakat orang Islam, langkah-langkah yang diperlu diambil ialah pertama, memansuhkan Akta Undang-undang Sivil 1956. Kedua, memasukkan suatu perkara dalam Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa sebarang undang-undang yang bertentangan dengan undang-undang Islam dianggap terbatal dan tidak sah setakat mana ia bertentangan itu. Ketiga, mewujudkan semua dalam akta dan kanun bahawa jika tiada dalam sebarang peruntukan, maka hendaklah merujuk kepada undang-undang Islam dan keempat, memantapkan sistem pengurusan Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia (Kassim Thukiman, Hamidah Abdul Rahman & Suaibah, 2009).


Hak Melayu-Islam

Islam merupakan elemen penting yang membentuk rupa dan wajah Melayu kontemporari. Sejak bermula kedatangan Islam di Tanah Melayu, ia menjadi teras yang mencorakkan identiti dan kebudayaan Melayu Malaysia. Transformasi sosial dan budaya Islam berlaku secara berperingkat dan perubahan ini bersifat menyeluruh merangkumi semua lapangan kehidupan orang Melayu. Proses pengIslaman masyarakat Melayu di rantau ini dan di Malaysia secara khusus dapat dilihat secara meluas apabila ilmu pengetahuan tentang Islam semakin meningkat (Mashitah Sulaiman, 2013).

Apabila disebut Islam di Malaysia, ia amat sinonim dengan bangsa Melayu kerana Islam telah mendominasi adat dan kebudayaan tamadun Melayu yang diwarisi dari zaman ke zaman hingga ke hari ini (Zakaria Stapa, Noranizah Yusof, Abdul Fatah Shahrudin, 2012). Seorang sarjana, iaitu S.Q. Fatimi dalam bukunya *Islam Comes To Malaysia* telah mengemukakan pandangan bahawa penyebaran pesat agama Islam dalam kalangan masyarakat Melayu disumbangkan oleh sikap keterbukaan yang ditunjukkan oleh pendakwah yang datang dari Semenanjung Tanah Arab dan telus dalam hubungan mereka dengan penduduk tempatan. Mereka mempelajari bahasa serta budaya Melayu dan berkahwin dengan wanita tempatan. Hakikat ini telah menunjukkan bahawa majoriti penduduk di Alam Melayu beragama Islam membuktikan agama tersebut diterima dan dialu-alukan oleh orang Melayu (Mohammad Redzuan Othman, 2005)^{††}.

Merujuk kepada orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan, orang Melayu ditakrifkan dalam Perkara 160(2) sebagai seorang yang menganuti agama Islam, lazimnya bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu dan (a) Lahir, sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau di Singapura, atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura atau pada hari Merdeka itu, ia berdomisil di Persekutuan atau di Singapura atau (b) Ia adalah keturunan seseorang yang tersebut (Perlembagaan Persekutuan, 2010). Di samping Perkara 160(2), Melayu itu boleh ditakrifkan di bawah Perkara 89(6) yang menyatakan bahawa Melayu itu termasuklah seseorang yang disifatkan sebagai Melayu bagi maksud merizabkan tanah di bawah undang-undang bagi negeri di mana dia bermastautin (Perlembagaan Persekutuan, 2010). Terdapat tiga hak Melayu-Islam yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan dalam Rajah 2.

^{††} Faktor utama yang menyebabkan masyarakat Melayu memilih Islam sebagai asas jati diri kemelayuan ialah kerana ajaran Islam amat bersesuaian dengan psikologi dan mentaliti masyarakat Melayu yang mengamalkan cara hidup yang lemah lembut, sifat ajaran Islam yang mudah difahami, rasional, dan sesuai dengan fitrah manusia berbanding dengan agama lain dan agama Islam tidak bersifat perkauman yang terhad kepada sesuatu bangsa semata-mata, tetapi merangkumi kesemua ras manusia sedunia yang dibina di atas asas persaudaraan (Rahimin Affandi Abd. Rahim, 2005).



Rajah 2: Hak Melayu-Islam

Agama Islam

Dalam sejarah kebangkitan Tamadun Melayu, agama Islam merupakan paksi utama kekuatannya yang kemudian menyebarkan perwatakan dan jati diri Melayu-Islam ini ke seluruh pelosok Asia Tenggara yang terkenal dengan nama Alam Melayu (Hashim Hj. Musa, 2005).

Peruntukan agama Islam terdapat dalam Perkara 3 (1) iaitu agama Islam adalah agama Persekutuan. Penerimaan perkara ini telah diteliti dengan mengambil kira penduduk Tanah Melayu yang terdiri daripada pelbagai etnik. Islam juga diterima sebagai agama rasmi Persekutuan kerana sesuai dengan takrif Melayu itu, seperti yang dinyatakan dalam Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan yang mendefinisikan Melayu sebagai seorang yang beragama Islam, lazimnya bertutur bahasa Melayu dan mengamalkan budaya Melayu (Abdul Razak Ayub, 1985).

Selain itu, kewujudan peruntukan agama Islam dalam perlembagaan memberikan manfaat dan keistimewaan kepada hak Melayu-Islam di Malaysia. Antaranya ialah undang-undang negeri boleh menyekat sebarang bentuk penyebaran agama lain dalam kalangan orang Islam, Raja dan Sultan di negeri yang beraja ialah ketua agama Islam bagi negeri masing-masing. Yang di-Pertuan Agong bertanggungjawab melindungi hak istimewa orang Melayu kerana Melayu dan Islam ialah dua entiti yang tidak boleh dipisahkan, jika dalam keadaan darurat, kedudukan agama Islam tidak boleh dipinda dan ini kekal terjamin (Nazri Muslim, 2014).

Meskipun kedudukan agama Islam diiktiraf dalam Perlembagaan Persekutuan, namun terdapat pihak yang cuba mengiktiraf Malaysia sebagai negara Islam. Isu ini ditimbulkan apabila Ahli Parlimen dari Pahang, Datuk Haji Yahya Abd. Razak mencadangkan bahawa semua majlis rasmi kerajaan mestilah bebas daripada sebarang bentuk hidangan alkohol, sesuai dengan status negara Islam. Namun begitu, Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman menjelaskan bahawa *"I would like to make it clear that this country is not Islamic State as it is generally understood, we merely provide that Islam shall be the official religion of the State"*. (Kassim Thukiman, Hamidah Abdul Rahman dan Suaibah, 2009).

Walaupun Malaysia tidak boleh dikatakan sebagai negara Islam dalam maksud yang sebenar, ia tidak bermakna bahawa Malaysia menjadi sebuah negara sekular. Jika merujuk kepada Perkara 3(1) iaitu Islam adalah agama Persekutuan dan Perkara 12(2) yang membenarkan penggunaan wang awam untuk tujuan agama, perkara ini telah mengurangkan ciri-ciri sebuah negara sekular kerana jika ia diteliti secara mendalam, sebuah negara

sekular secara umumnya mempunyai tiga ciri. Pertama, tiada agama rasmi dalam sebuah negara, kedua, tiada peruntukan dana negara untuk membangunkan pendidikan dan institusi agama dan ketiga, undang-undang ditentukan tanpa melibatkan badan penasihat agama (Nazri Muslim, 2014).

Kesultanan Atau Pemerintahan Beraja

Pemerintahan beraja telah wujud di negeri-negeri Melayu sejak berabad-abad lamanya. Menurut sistem beraja ini, seorang Raja mempunyai kuasa mutlak dalam setiap pemerintahan dan pentadbiran negeri dengan dibantu oleh pembesar-pembesar yang dilantik khususnya sebelum penjajahan Inggeris. Seorang raja hendaklah dilantik dari keturunan Melayu dan mestilah beragama Islam (Shamrahayu A. Aziz, 2012). Kewujudan Raja dan Sultan di Malaysia adalah simbol kepada pemerintahan yang melindungi keselamatan dan kesejahteraan rakyat (Kassim ET AL., 2009).

Kelebihan hak kesultanan dan raja bagi orang Melayu dan Islam ialah peruntukan dalam perkara yang melibatkan agama Islam dalam perlembagaan seperti dalam Perkara 3, Perkara 8, Perkara 11, Perkara 12 dan Perkara 121 (1A) tidak boleh dipinda, diubah atau dilucutkan tanpa mendapat persetujuan daripada Majlis Raja-Raja Melayu. Perkara ini telah termaktub dalam perlembagaan melalui Perkara 159 (5) yang menjelaskan bahawa sebarang pindaan perlembagaan perlu mendapat sokongan 2/3 setiap dewan sama ada Dewan Rakyat atau Dewan Negara serta mendapat perkenan Majlis Raja-Raja Melayu dalam hal-hal yang melibatkan perkara seperti kedaulatan raja-raja, kedudukan istimewa orang Melayu, bumiputera Sabah dan Sarawak, bahasa kebangsaan dan agama Islam (Perlembagaan Persekutuan 2010, Nazri Muslim 2013, Shamrahayu A. Aziz 2012).

Majlis Raja-Raja yang ditubuhkan di bawah Persekutuan mempunyai fungsi-fungsi yang terkandung dalam Perkara 38(2). Antaranya ialah pertama, memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong menurut peruntukan Jadual Ketiga. Kedua, bersetuju atau tidak bersetuju perbuatan, amalan atau upacara agama yang meliputi seluruh Persekutuan. Ketiga, mempersetujui atau tidak mempersetujui sebarang undang-undang dan membuat atau memberi nasihat atas sebarang perundangan. Keempat, melantik anggota Mahkamah Khas di bawah Fasal (1) Perkara 182. Kelima, memberi pengampunan, menggantung atau meringankan hukuman di bawah Fasal (12) Perkara 42 (Nazri Muslim, 2014).

Bahasa Melayu

Setiap negara yang telah mencapai kemerdekaan mempunyai bahasa rasmi bagi negaranya. Kekuatan dan kebesaran sesebuah negara bergantung kepada kemasyhuran dan keluasan penggunaan bahasa Kebangsannya. Sebagai contoh, Empayar British dan Perancis yang berkembang dua abad yang lalu menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Perancis sebagai pengantara dan bahasa yang digunakan itu menjadi popular dan digunakan oleh orang-orang yang berada di bawah jajahan takluknya (Mohd Salleh Abbas, 1990). Bahasa Melayu telah menjadi bahasa perantaraan (Lingua franca) di rantau ini semenjak berabad-abad dahulu. Sebelum Perang Dunia Kedua, bahasa Melayu telah digunakan secara meluas bagi tujuan rasmi di jabatan-jabatan tertentu seperti jabatan polis. Selain itu, pegawai-pegawai Eropah (yang memegang lebih daripada 95% jawatan bahagian I) mempelajari bahasa Melayu, dan mereka dikehendaki lulus berbagai peringkat peperiksaan dan mereka tidak mempunyai kesulitan untuk menggunakan bahasa Melayu (Mohamed Suffian Hashim, 1987).

Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu (yang mengikut implikasi yang diperlukan mestilah digunakan untuk maksud-maksud rasmi) (Perlembagaan Persekutuan, 2010). Tujuan utama di sebalik menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah untuk

memenuhi keperluan bagi menyatupadukan pelbagai etnik agar menjadi sebuah negara yang bersatu melalui satu bahasa yang sama dan sebagai medium komunikasi. Hal ini kerana, semasa perlembagaan digubal, pemimpin terdahulu telah memutuskan bahawa sebuah negeri yang merdeka tidak boleh menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi. Tujuannya adalah untuk menyatupadukan penduduk yang pelbagai kaum (Ku Hasnan Ku Halim, 2012). Pengukuhan penggunaan Bahasa Melayu dilakukan melalui penubuhan Akta Pelajaran 1957, Akta Bahasa Kebangsaan 1967 dan Akta Pendidikan 1996 (Kassim Thukiman, Hamidah Abdul Rahman dan Suaibah, 2009).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, terdapat empat hak bagi bangsa Melayu iaitu hak tanah untuk orang Melayu, hak untuk mendapatkan jawatan dalam kerajaan, hak dalam menerima peruntukan biasiswa dan hak untuk mendapatkan bantuan ekonomi. Hak Muslim di Malaysia adalah termaktub dalam undang-undang Syariah manakala hak Melayu-Islam ialah peruntukan agama Islam sebagai agama persekutuan, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan kesultanan atau Raja berpelembagaan.

Hak keistimewaan bagi orang-orang Melayu dan Islam yang telah terkandung dalam perlembagaan perlu dihormati oleh semua pihak tanpa mengira latar belakang bangsa, agama dan fahaman politik bagi mewujudkan kestabilan dan kemakmuran negara.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Bari. (2001). *Perlembagaan Malaysia: Asas-Asas dan Masalah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razak Ayub. (1985). *Perpecahan Bangsa Melayu*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Ali Jarisyah. (1990). *Kehormatan Hak-Hak Manusia Menurut Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bukan Melayu dipinggirkan. (2008, November 25). *Utusan Malaysia*. Diakses daripada http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1125&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=re_02.htm
- Hamid Jusoh. (1992). *Kedudukan Undang-Undang Islam Dalam Perlembagaan Malaysia: Suatu Rujukan Khas Terhadap Kes-Kes Konversi Dalam Undang-Undang Keluarga*. (Terj.) Raja Rahawani Raja Mamat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Hj. Musa. (2005). *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia: Menghadapi Globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ku Hasnan Ku Halim. (2012). *Membugar harapan pemersatuan atau menanti masa ditalkinkan atas nama bernegara? Di mana Bahasa Melayu dalam pemupukan jati diri bangsa setelah 55 tahun merdeka*, dlm.

Persidangan Kebangsaan Bahasa Melayu Setelah 55 Tahun Merdeka. Pulau Pinang.

- Mashitah Sulaiman. (2013). *Islam Dan Transformasi Sosial Masyarakat Melayu Malaysia: Satu Kajian Eksploratori*, dlm. *International Conference on Social Science Research*. Pulau Pinang.
- Kassim Thukiman, Hamidah Abdul Rahman dan Suaibah. (2009). *Perlembagaan Malaysia dalam Perspektif Hubungan Etnik* [e-book]. Diakses daripada <http://eprints.utm.my/14767/>.
- Lajnah Penyelidikan Undang-undang. (2010). *Perlembagaan Persekutuan*. Petaling Jaya, Selangor: *International Law Book Services*.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2002). *Hak Asasi dan Hak Bersuara Menurut Pandangan Islam dan Barat*. Pahang: PTS Publications & Distributor.
- Mohammad Redzuan Othman. (2005). *Islam & Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Salleh Abbas. (1990). *Kewarganegaraan dan Hak Asasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Suffian Hashim. (1987). *Mengenal Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazri Muslim. (2013). *Peranan Institusi Raja-Raja Melayu Menurut Perlembagaan Dalam Memelihara Kedudukan Islam Dari Perspektif Pendidikan Sejarah*, dlm. *Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi*. Universiti Malaysia Sabah.
- Nazri Muslim. (2014). *Islam dan Melayu dalam Perlembagaan: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. (2005). Citra Islam dalam Pembentukan Manusia Moden di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 15.
- Unit Perancang Ekonomi. (2015). *Rancangan Malaysia Ke-11*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Shamrahayu A. Aziz. (2012). *Kuasa dan Peranan Raja-Raja Melayu dalam Perlembagaan: Sejarah Dan Masa Depan*, dlm. Kertas kerja Seminar Perlembagaan Malaysia: 'Di Antara Sejarah dan Tuntutan Semasa'. Kuala Lumpur.
- Zainal Abidin Abdul Wahid. (1978). *Semangat Perjuangan Melayu*, dlm. Kertas Kerja Seminar Intelektual dan Perjuangan Kebangsaan Melayu. Kuala Lumpur.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusof, Abdul Fatah Shahrudin. (2012). Islam Asas Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu-Muslim. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 129-141.
- Zul'Azmi Yaakob dan Zailan Moris. (2014). Peranan Persekitaran terhadap tuntutan Hak Asasi Manusia: Cabaran Bagi Umat Islam. *International Journal of Islamic Thought*, 5(June), 82-91.